



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2003

IMBUHAN TAHUNAN DAN BAYARAN KHAS PRESTASI 2003

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan bagi membayar Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi kali kedua pada tahun 2003 kepada semua anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah membuat keputusan supaya Imbuan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi dibayar bagi kali kedua kepada semua anggota perkhidmatan awam sebagai menghargai jasa dan imbuan kepada peningkatan produktiviti, perkhidmatan yang cemerlang dan komited terhadap tugas serta tanggungjawab mereka. Kadar yang diputuskan adalah sebanyak **setengah bulan gaji**.

PELAKSANAAN

Anggota Yang Layak

3. Imbuhan Tahunan dibayar kepada anggota dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Sokongan iaitu anggota tetap, sementara, sangkut, sambilan, kontrak dan guru sandaran. Bayaran Khas Prestasi pula dibayar kepada anggota dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

4. Anggota lain yang layak adalah seperti berikut –
 - a. anggota yang bercuti separuh gaji termasuk cuti belajar ;
 - b. anggota yang dikenakan hukuman tatatertib seperti berikut –
 - (i) amaran untuk anggota awam;
 - (ii) amaran atau amaran keras untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia; dan
 - (iii) amaran untuk Pegawai Kanan Polis, Polis DiRaja Malaysia dan celaan atau celaan keras untuk Pegawai Rendah Polis dan Konstabel serta Konstabel Tambahan.
 - c. pemandu yang dilantik oleh anggota Jawatan Utama ‘B’ dan ke atas serta Gred Khas ‘A’ yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
 - d. anggota kontrak yang putus perkhidmatannya selama satu hari sebelum disambung semula perkhidmatan kontraknya.

Anggota Yang Tidak Layak

5. Anggota yang tidak layak adalah seperti berikut–
 - a. anggota yang mengambil cuti tanpa gaji mulai 1 Julai 2003 hingga 31 Disember 2003;
 - b. anggota yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman-hukuman yang dinyatakan di perenggan 4 b(i), (ii) dan (iii);
 - c. anggota yang berkhidmat di agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;

- d. anggota yang dipinjamkan ke badan-badan antarabangsa dan syarikat swasta mulai 1 Julai 2003 hingga 31 Disember 2003; dan
- e. anggota yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam atau dibersarakan atas kepentingan perkhidmatan awam mulai 1 Julai 2003 hingga 31 Disember 2003.

Anggota Yang Ditangguhkan Pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi

6. Anggota yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib, ditangguhkan pemberian Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi. Anggota hanya layak dibayar Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati anggota tersebut tidak bersalah atau anggota hanya dikenakan hukuman tatatertib seperti yang dinyatakan di perenggan 4 b(i), (ii) dan (iii).

Kaedah Pembayaran

7. Bayaran dibuat secara penuh bagi anggota yang berkhidmat mulai 1 Julai 2003 hingga 31 Disember 2003 dan dibayar berdasarkan gaji bulan Disember 2003.

8. Manakala bagi anggota yang berkhidmat kurang 6 bulan dalam tempoh Julai hingga Disember 2003, bayaran dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji akhir diterima. Formula perkiraan adalah seperti berikut –

$$\frac{\text{Bil. Bulan Perkhidmatan}}{6} \times \text{Gaji} \times \frac{1}{2} = \text{Kadar Imbuhan Tahunan/Bayaran Khas Prestasi}$$

9. Anggota yang layak dibayar secara sekali gus dalam bulan November 2003.

10. Bagi tujuan pembayaran Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi, maksud gaji anggota adalah termasuk juga perkara-perkara berikut –

- a. Elaun Pemangkuan bagi anggota yang memangku; dan
- b. gaji yang diberi atas sebab pinjaman/pertukaran sementara.

11. Anggota yang bersara/ meninggal dunia/ letak jawatan/ tamat perkhidmatan/ tamat kontrak, tempoh perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi secara *proportionate* adalah mengikut genap satu bulan perkhidmatan berdasarkan gaji akhir yang diterima.

12. Tempoh anggota tidak dibayar gaji sepanjang sesuatu bulan tidak diambilkira dalam perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi. Bagi anggota yang bercuti tanpa gaji, tempoh perkiraan secara *proportionate* adalah mengikut genap satu bulan perkhidmatan.

13. Anggota yang bersara dalam tahun 2003 dan dilantik semula sebagai anggota sementara atau anggota kontrak, dibayar secara *proportionate* berdasarkan kepada gaji akhir yang diterima sebelum bersara dan gaji atas jawatan sementara atau kontrak.

14. Anggota yang dinaikkan pangkat/ dipinjamkan/ ditukar sementara atau bertukar skim perkhidmatan selepas 1 haribulan pada sesuatu bulan, perkiraan Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi bagi bulan itu dan tempoh sebelumnya hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan lama. Bagi tempoh selepas bulan berkenaan perkiraan hendaklah dibuat secara *proportionate* berdasarkan gaji jawatan baru.

15. Bagi anggota sambilan, perkiraan genap satu bulan perkhidmatan adalah dengan syarat mereka bekerja tidak kurang daripada 21 hari dalam sebulan. Sekiranya bilangan hari bekerja sebanyak 21 hari tidak dapat dipenuhi bagi sesetengah negeri dalam sesuatu bulan, perkiraan adalah berdasarkan hari bekerja tertinggi dalam bulan berkenaan.

16. Imbuhan Tahunan dan Bayaran Khas Prestasi ini tidak boleh diselaraskan jika berlaku pelarasan gaji selepas tahun ini yang melibatkan pindaan gaji anggota tahun 2003.

JABATAN YANG MEMBAYAR

17. Pembayaran ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana anggota ditempatkan pada bulan pembayaran.


TARIKH KUAT KUASA

18. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

PEMAKAIAN

19. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

4 November 2003

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan